

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan telah dicatatkan bahawa,

"The national language shall be the Malay language provided that
a) no person shall be prohibited from using (otherwise for official purpose) or from teaching or learning any other language and
b) nothing in this clause shall prejudice the right of the Federal Government or any state Government to preserve and sustain the use and study of language of any other community in the Federation."

Pengajaran bahasa merupakan kegiatan yang penting dalam sistem persekolahan dan pengajian tinggi di Malaysia. Menurut Penyata Razak (1956) dan Penyata Rahman Talib (1960), polisi pelajaran menegaskan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang utama dalam sistem pendidikan di Malaysia, dengan tujuan supaya dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Bahasa Inggeris pula dipelajari supaya pelajar dapat menimba ilmu pengetahuan, dan juga untuk berhubung dalam situasi antarabangsa.

Di Malaysia, Bahasa Melayu diwajibkan untuk diajar dalam semua sekolah. Menurut akta Pendidikan 1996, sekolah-sekolah di Malaysia dikategorikan kepada dua jenis iaitu, Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Vengadamal, 1999). Sekolah Jenis Kebangsaan iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK), murid-murid wajib mempelajari Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di samping mempelajari bahasa

ibundanya sama ada Bahasa Cina atau Bahasa Tamil sebagai bahasa penghantar.

Sekolah kebangsaan terdiri daripada sekolah kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Di sekolah-sekolah ini, Bahasa Melayu merupakan bahasa penghantar dan bahasa Inggeris pula merupakan mata pelajaran wajib dipelajari. Bahasa Cina dan Bahasa Tamil boleh dipelajari dengan permintaan sekurang-kurangnya lima belas ibubapa di sekolah berkenaan (Vengadamal, 1999). Di sekolah kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil diajar sebagai kelas Bahasa Ibunda (POL) selama dua jam (2 jam) seminggu sebagai mata pelajaran elektif. Di negara kita, kelas bahasa Ibunda ini dijalankan untuk pelajar-pelajar sehingga Tingkatan Enam.

1.1 Latar Belakang Kajian

Di sekolah menengah di Malaysia, mata pelajaran Bahasa Tamil diajar dalam waktu sekolah, luar jadual waktu sekolah ataupun pada luar waktu sekolah yang rasmi seperti pada hujung minggu. Satu ketika dulu, Bahasa Tamil diajar pada hari Sabtu setiap minggu. Tetapi, sejak kerajaan mengisyiharkan hari Sabtu minggu pertama dan minggu ketiga sebagai cuti am, maka kelas-kelas Bahasa Tamil telah mula dijalankan pada hari Jumaat selepas waktu sekolah. Hari Jumaat didapati amat sesuai kerana didapati tiada sebarang gangguan seperti kelas tambahan, program sekolah dan

sebagainya. Tambahan lagi pada hari Sabtu minggu kedua, keempat dan kelima aktiviti kokurikulum dijalankan di sekolah dan kehadiran pelajar dalam aktiviti kokurikulum adalah diwajibkan. Kecenderungannya kebanyakan kelas Bahasa Tamil dijalankan pada hari Jumaat dari pukul 12.00 tengah hari hingga 2.00 petang, melainkan jika terdapat pelajar India lelaki atau guru lelaki yang beragama Islam, maka kelas Bahasa Tamil dijalankan pada hari dan waktu yang bersesuaian.

Guru-guru yang mengajar bahasa Tamil di sekolah menengah terdiri daripada sama ada guru yang sedang berkhidmat di sekolah tersebut ataupun guru-guru sambilan (Kulandasamy, 1990). Para guru yang berkhidmat di sekolah tersebut perlu mengajar Bahasa Tamil dalam waktu persekolahan dan juga di luar jadual waktu sekolah. Guru-guru digelar ‘guru dua alam’ yang membawa maksud guru-guru ini perlu berada pada waktu pagi dan sebelah petang apabila kelas Bahasa Tamil dijalankan. Guru sambilan pula terdiri daripada guru penuh masa dari sekolah menengah lain, guru sekolah rendah Tamil dan juga guru yang telah bersara dari profession perguruan. Guru sambilan dari sekolah Menengah lain mempunyai kelayakan akademik dan professional, memandangkan mereka mengajar mata pelajaran tersebut di sekolah menengah di mana mereka sedang berkhidmat. Guru sambilan dari Sekolah Rendah Tamil bolehlah dikatakan mereka telah dilatih khas bagi pengajaran Bahasa Tamil di sekolah-sekolah rendah. Guru sambilan yang telah bersara pula terdiri dariapda bekas guru

sekolah menengah dan guru sekolah rendah Tamil. Terdapat juga guru besar sekolah rendah Tamil yang telah bersara dilantik untuk mengajar Bahasa Tamil di Sekolah Menengah. Justeru itu, dapat dikatakan bahawa kelayakan akademik dan professional tidak diambil kira bagi perlantikan guru sambilan Bahasa Tamil di sekolah menengah (Kulandasamy, 1990).

Pemilihan guru sambilan Bahasa Tamil di sekolah menengah adalah tugas penolong pengarah Bahasa Tamil di Jabatan Pendidikan Negeri. Guru-guru yang berminat perlu kemukakan borang permohonan setiap tahun pada hujung tahun. Dapat dikatakan tidak ada sebarang proses pemilihan yang terperinci bagi perlantikan guru-guru sambilan Bahasa Tamil di sekolah Menengah.

Guru Bahasa Tamil di sekolah menengah tidak menerima sebarang elaun POL kerana mereka adalah guru tetap sekolah berkenaan. Tetapi guru sambilan Bahasa Tamil pula menerima elaun POL. Pada satu ketika dulu, elaun adalah dua puluh ringgit (RM 20) sejam bagi guru bukan siswazah dan dua puluh lima ringgit (RM25) sejam bagi guru siswazah. Pada masa kini guru-guru sambilan Bahasa Tamil dibayar elaun lima puluh ringgit (RM50) sejam bagi guru bukan siswazah dan enam puluh ringgit (RM60) sejam bagi guru siswazah. Tugas mereka selesai selepas mengajar dua jam pada setiap minggu.

Penyeliaan dan pengawasan ke atas guru sambilan Bahasa Tamil adalah jarang diadakan. Pengkaji mendapati Pengetua atau Guru Penolong Kanan I akan menerima perlantikan guru-guru sambilan Bahasa Tamil dan tugas mereka selesai setakat itu. Guru-guru sambilan Bahasa Tamil perlu menghantar buku rekod yang ditulis dalam Bahasa Tamil dan ditandatangani oleh pengetua atau Guru Penolong Kanan I yang kebanyakannya tidak memahami isinya.

Pelajar sekolah menengah tidak mahu mengambil Bahasa Tamil sebagai mata pelajaran peperiksaan PMR, SPM dan STPM kerana mereka terpaksa berada di sekolah selepas waktu sekolah. Mereka menghadapi pelbagai masalah seperti masalah pengangkutan, kewangan dan keselamatan diri (Ramiah 1987). Kadangkala terdapat rumah pelajar yang terletak jauh ke dalam, di mana tidak terdapat sistem pengangkutan awam berhampiran rumahnya. Pelajar tersebut, sekiranya terlepas bas sekolah atau yang sekolah yang bertanggungjawab membawanya ke sekolah pada setiap hari, maka dia perlu balik berjalan kaki seorang diri. Selain daripada itu, terdapat juga pelajar yang terpaksa memilih antara kelas tambahan dan kelas bimbingan mata pelajaran lain atau aktiviti kokurikulum dengan kelas Bahasa Tamil. Penghalang-penghalang tersebut mengakibatkan kelas-kelas Bahasa Tamil tidak dapat dijalankan dengan licin dan lancar. Guru-guru Bahasa Tamil mengadu murid-murid Tamil ponteng kelas Bahasa Tamil yang diadakan di luar waktu sekolah. Terdapat juga pentadbir sekolah yang

mengarahkan menutup kelas Bahasa Tamil kerana kekurangan pelajar. Ada juga pihak sekolah yang menyalah tafsirkan bahawa mesti terdapat sekurang-kurangnya lima belas pelajar setiap kali kelas dijalankan. Terdapat situasi di mana ada pelajar yang mengambil peperiksaan PMR, SPM dan STPM tanpa menghadiri kelas-kelas Bahasa Tamil (Kulandasamy, 1990).

Selama ini tidak ada sebarang kajian yang sistematik untuk menunjukkan secara terperinci tentang masalah pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah. Parti-parti politik India dan persatuan-persatuan India yang sentiasa melaung-laungkan Bahasa Tamil dan kebudayaan India tidak mengambil langkah yang strategik untuk mengawasi pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah (Kulandasamy, 1990). Pertubuhan-pertubuhan ini menunjukkan lebih minat terhadap perkembangan dan pemeliharaan Sekolah Rendah Tamil dan pencapaian murid Sekolah Rendah Tamil di negara ini. (Majlis Tindakan Bersama Sekolah-Sekolah Tamil, 2000).

Matlamat kurikulum Bahasa Tamil sekolah menengah adalah untuk melengkapkan murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri dalam bidang pendidikan, pekerjaan, dan urusan harian.

Menerusi objektif kurikulum Bahasa Tamil sekolah menengah, diharapkan murid dapat :-

- 1) melibatkan diri dalam interaksi sosial melalui perbualan, perbincangan, dan penulisan untuk menjalin serta mengeratkan hubungan dan berurus untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan;
- 2) mendapat dan memproses maklumat secara kritis daripada pelbagai sumber yang didengar, dibaca dan ditonton untuk memperolehi ilmu dan maklumat;
- 3) menggunakan maklumat yang diperoleh untuk tujuan menyelesaikan masalah dan membuat keputusan serta menyebarkan maklumat dalam bentuk lisan dan tulisan;
- 4) mendengar, membaca, menonton, dan memberikan respons kepada pelbagai bahan sastera dan bukan sastera;
- 5) melahirkan idea dan pendapat dalam bentuk lisan dan penulisan secara kreatif dan berkesan; dan
- 6) menghayati dan mengamalkan nilai murni, sikap positif, semangat negara dan perasaan cinta akan negara.

(Sukatan Pelajaran Bahasa Tamil, hlm. 2-3)

Kurikulum Bahasa Tamil Sekolah Menengah digubal sedemikian supaya matlamat dan objektif pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Tamil menuju ke arah pencapaian Falsafah Pendidikan Negara, iaitu:-

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan kearah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kerpercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Sukatan pelajaran Bahasa Tamil sekolah menengah digubal bersesuaian dengan Bahasa Tamil yang digunakan dalam kehidupan harian. Penggunaan bahasa ini dinyatakan dalam bentuk hasil Pembelajaran. Hasil pembelajaran berteraskan kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kandungan sukatan pelajaran Bahasa Tamil ini meliputi Penggunaan Bahasa, Kemahiran Bahasa, Hasil pembelajaran, sistem bahasa dan Pengisian Kurikulum.

Pusat perkembangan kurikulum (PPK) telah menyediakan sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran untuk mata pelajaran Bahasa Tamil. Manakala Bahagian Buku Teks pula telah menerbitkan dan mencetak buku

teks Bahasa Tamil dari tingkatan satu hingga tingkatan Lima. Buku teks Bahasa Tamil boleh dibeli dari kedai buku ataupun boleh diperolehi melalui skim pinjaman buku teks (SPBT) di sekolah masing-masing jika dimohon dan memenuhi kelayakan. Manakala guru-guru Bahasa Tamil pula dibekalkan Buku Panduan Guru bagi setiap tingkatan sebagai langkah membantu guru dalam persediaan mengajar.

Pada hal demikian, bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah seharusnya konsisten. Jadual 1, Jadual 2, dan Jadual 3 dibawah menunjukkan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Jadual 1 : Bilangan Pelajar yang mengambil Bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran peperiksaan UPSR serta peratus pencapaiannya dari tahun 1999-2003.

Tahun	Bilangan Pelajar	Lulus Penulisan %	Lulus Pemahaman %
1999	15 500	80.2	81.5
2000	14 300	65.3	65.9
2001	13 200	70.0	82.0
2002	13 713	79.0	84.0
2003	13 925	78.0	86.0

Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia

Dipetik dari 'Pelan Induk Sekolah-sekolah Tamil

Abad ke 21' di terbitkan oleh Yayasan Strategik sosial.

Jadual 2 : Bilangan Pelajar yang mengambil Bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran peperiksaan PMR dan peratus pencapaiannya dari tahun 1999-2003.

Tahun	Bilangan Pelajar	Gred	Peratus %	Gred	Peratus %
		A + B + C		C + D	
1999	10 576	4829	45.6	5744	54.4
2000	10 835	5131	47.4	5704	52.6
2001	11 121	5306	47.7	5815	52.3
2002	10 928	5564	50.9	5364	49.1
2003	10 646	6175	58.0	4471	42.0

Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia

Dipetik dari 'Pelan Induk Sekolah-sekolah Tamil

Abad ke 21' di terbitkan oleh Yayasan Strategik sosial.

Jadual 3 : Bilangan Pelajar yang mengambil Bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran peperiksaan SPM dan peratus pencapaiannya dari tahun 1999-2003.

Tahun	Bilangan Pelajar	Peratus Pencapaian			Keseluruhan Peratus Lulus
		Cemerlang (%)	Kepujian (%)	Lulus (%)	
1999	7 477	10.0	42.0	28.0	80.0
2000	10 585	13.0	44.0	27.0	84.0
2001	7 254	11.0	53.0	22.0	86.0
2002	7 873	12.0	57.0	21.0	90.4
2003	8 200	11.0	54.0	25.0	90.0

Sumber : Lembaga Peperiksaan Malaysia

Dipetik dari 'Pelan Induk Sekolah-sekolah Tamil

Abad ke 21' di terbitkan oleh Yayasan Strategik sosial.

Jadual 1, Jadual 2 dan Jadual 3 menunjukkan bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan UPSR berkurangan apabila menghadapi peperiksaan PMR dan makin berkurangan ketika menghadapi peperiksaan SPM. Bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan SPM rendah berbanding dengan pelajar UPSR disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya minat pelajar, pengajaran guru, kepentingan mata pelajaran Bahasa Tamil, dan

kejujuran pihak sekolah dalam pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Tamil.
(Kulandasamy, 1990)

1.2 Pernyataan Masalah

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah bersungguh-sungguh untuk memberikan peluang pembelajaran Bahasa Tamil yang lebih berkesan di sekolah menengah. Kelas-kelas Bahasa Tamil dimulakan pada awal tahun, guru-guru Bahasa Tamil dilantik secara sambilan secukup bilangannya, dan cuba mengadakan kelas Bahasa Tamil dalam jadual waktu sekolah. Langkah seterusnya KPM telah melatih guru-guru Bahasa Tamil Khas (PSM), dan latihan lepasan ijazah beropsyen Bahasa Tamil (KPL I) bagi pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah.

Walaupun begitu masih ada aduan terdapat murid-murid Tamil yang telah melalui pendidikan sekolah rendah Tamil tidak berminat untuk mempelajari Bahasa Tamil dan tidak mahu mengambil mata pelajaran tersebut dalam peperiksaan kebangsaan seperti PMR, SPM, dan STPM, (Kulandasamy, 1990)

Keadaan ini telah mendorong pengkaji untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah terutamanya pelajar Tingkatan Empat. Kajian

minat ini akan membuka mata para guru, perancang pendidikan dan orang awam terhadap pengajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui minat pelajar-pelajar India Tingkatan Empat di kawasan Seremban terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Kajian ini juga bertujuan mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar tersebut terhadap mata pelajaran berkenaan.

1.4 Objektif Kajian

- 1.4.1 Mengkaji minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil di kalangan pelajar Tingkatan Empat.
- 1.4.2 Mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil di kalangan pelajar Tingkatan Empat.

1.5 Soalan Kajian

Berdasarkan tujuan yang dinyatakan, kajian ini akan cuba menjawab beberapa soalan yang berikut :

- 1.5.1 Sejauhmanakah minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil?

- 1.5.2 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan pekerjaan bapa atau penjaga ?
- 1.5.3 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan pencapaian mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan pertengahan tahun Tingkatan Empat ?
- 1.5.4 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dengan buku teks Bahasa Tamil Tingkatan Empat?

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa, minat seseorang pelajar terhadap mata pelajaran berkenaan memainkan peranan yang amat penting. Minat akan membentuk perilakuan yang sewajarnya. Kejayaan dan kegagalan seseorang murid dalam sesuatu matapelajaran bergantung kepada minat individu dalam mata pelajaran berkenaan.

Tinjauan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil ini adalah amat penting. Hasil kajian ini dapat memberikan maklumat yang berguna kepada beberapa pihak yang mempunyai peranan dalam perancangan dan perlaksanaan kurikulum Bahasa Tamil di sekolah menengah. Antaranya para guru Bahasa Tamil, pihak sekolah, Kementerian

Pendidikan Malaysia terutamanya Pusat Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Buku Teks dan para pendidik yang berminat dalam bidang ini.

Antaranya kepentingan kajian yang terdapat diharapkan ialah :

1. Para guru dapat membina situasi yang merangsangkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Guru akan memilih pengajaran bahasa yang sesuai dengan masa pengajaran dan persediaan murid.
2. Kajian ini dapat memberi dorongan kepada pihak sekolah menggalakkan lebih ramai pelajar memilih mata pelajaran Bahasa Tamil. Di samping itu pihak sekolah perlu menetapkan masa dan guru yang berkebolehan untuk mengajar mata pelajaran berkenaan.
3. Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Pusat Perkembangan Kurikulum perlu mengambil kira beberapa aspek dalam merancang sukanan pelajaran, huraian sukanan pelajaran dan bahan pembelajaran yang sesuai. Bahagian Buku Teks pula perlu memilih bahan pengajaran yang sesuai.
4. bagi para pendidik berminat untuk menjalankan kajian berkaitan mata pelajaran Bahasa Tamil, kajian ini diharap dapat memberi faedah kepada pihak berkenaan. Memandangkan tidak ada kajian yang dilakukan tentang bidang ini dalam mata pelajaran Bahasa

Tamil, maka hasil kajian ini akan dapat memberi maklumat asas untuk kajian pihak berkenaan.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini dibuat berdasarkan murid sampel dari lima buah sekolah menengah di kawasan Seremban di Negeri Sembilan. Bilangan sampel seramai 130 orang pelajar dipilih secara rawak dari kalangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam Tingkatan empat. Kajian ini berfokuskan kepada minat pelajar India Tingkatan Empat terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil. Dengan itu dapatan kajian ini tidaklah dapat digeneralisasikan kepada sampel kajian yang berbeza. Ia juga tidak dapat dijadikan gambaran untuk mewakili pelajar Tingkatan Empat bagi seluruh Malaysia. Hal ini kerana dapatan kajian ini adalah terhad dan kurang tepat untuk dijadikan petunjuk pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Tamil di seluruh negara.

1.8 Definisi istilah

1.8.1 Minat

Dirumuskan bahawa minat adalah satu proses mental yang bersifat fikiran atau perasaan atau tanggapan terhadap sesuatu objek atau aspek yang boleh mendorong seseorang itu bertindak ke atas sesuatu objek atau aspek tertentu. Kecenderungannya, minat tidak

dapat dilihat tetapi sikap dapat dikesan berdasarkan perlakuan seseorang individu dalam kehidupannya.

Minat merupakan perasaan, prasangka, idea dan persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara atau situasi. Dipercayai bahawa minat dapat mencerminkan kecenderungan tingkahlaku seseorang itu sehubungan dengan perkara atau situasi berkenaan.

Dalam konteks kajian ini, minat membawa pengertian keinginan atau kecenderungan terhadap mata pelajaran Bahasa Tamil dalam Tingkatan Empat.

1.8.2 Mata Pelajaran Bahasa Tamil

Dalam penyelidikan ini Bahasa Tamil yang dimaksudkan ialah mata pelajaran Bahasa Tamil yang dipelajari oleh pelajar Tingkatan Empat di Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu Pusat Perkembangan Kurikulum telah menggubal sukanan pelajaran baru yang berlandaskan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) bagi mata pelajaran ini. Mata pelajaran Bahasa Tamil telah dijadikan mata pelajaran elektif di samping beberapa mata pelajaran lain. Di peringkat SPM pelajar yang berkelayakan boleh mengambil mata pelajaran tersebut.

1.8.3 Pelajar-pelajar

Pelajar-pelajar Tingkatan Empat dalam kajian ini merujuk kepada pelajar-pelajar India Tingkatan Empat di kawasan Seremban yang telah lulus peperiksaan PMR dan mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran elektif di dalam kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

1.8.4 Buku Teks

Dalam kajian ini, istilah ini merujuk kepada buku teks Bahasa Tamil Tingkatan Empat yang diterbitkan oleh Jaya Bakti.

1.8.5 Aliran

Dalam kajian ini, istilah aliran merujuk kepada dua aliran iaitu aliran sains dan aliran sastera. Pelajar meneruskan pelajaran dalam aliran yang diminati. Pada kebiasaananya pihak sekolah menempatkan pelajar dalam aliran yang tertentu mengikut pencapaian dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR). Pelajar yang mendapat pencapaian yang cemerlang ditempatkan dalam aliran sains.

1.8.6 Pekerjaan Bapa atau penjaga

Pekerjaan bapa atau penjaga dimaksudkan dalam penyelidikan ini dibahagikan kepada kategori seperti berikut :

Jadual 4 : Jenis-Jenis Pekerjaan Bapa Atau Penjaga Mengikut Kumpulan

Kumpulan	Jenis Pekerjaan
Professional	Guru, Doktor, Juruterbang, Jututera
Perkeranian	Kerani, Jurutaip, Penyelia
Perniagaan dan Teknikal	Juru teknik, Peniaga, Pembantu Makmal, Pekerja Bengkel
Badan Beruniform dan Keselamatan	Polis, Tentera, Pegawai Keselamatan, Jururawat
Buruh dan Am	Pemandu Lori, Pekerja Kilang, Buruh, Penoreh Getah